

JUMPA FOSIL 300 JUTA TAHUN

Pelbagai spesies siput laut
diperkirakan hidup sebelum
wujud zaman dinosaur

FOSIL karang purba pelbagai spesies dianggarkan berusia 300 juta tahun ditemui di sebuah kawasan seluas 6.9 hektar berdekatan Kampung Changkat Tualang.

Bernama

Kampar

Fosil karang purba pelbagai spesies dianggarkan berusia 300 juta tahun ditemui di sebuah kawasan seluas 6.9 hektar berdekatan Kampung Changkat Tualang dekat sini.

Beberapa jenis hidupan purba daripada spesies siput laut berkenaan yang sudah lama pupus itu dijumpai sekumpulan penyelidik Persatuan Jurupandu Pelancong Geopark Warisan Alam Semulajadi Perak (GEONAT) yang melakukan penyi-

dikan di kawasan itu.

Naib Pengerusi GEONAT Mohd Fadly Md Noor berkata, pihaknya menjelajah kawasan itu selepas melakukan rujukan daripada jurnal lama termasuk rekod pengkaji lama.

"Kami menemukan lebih tiga atau empat jenis fosil daripada kelas *Gastropod*, *Rugosa*, *Crinoid* dan satu lagi fosil karang, apa yang kita boleh katakan di sini paling banyak jenis *Gastropod* kita jumpa 50 spot yang melekat pada batu-batuan.

"Penemuan ini merupakan yang pertama setakat ini pernah dijumpai di Perak khususnya daerah Kin-

ta dan fosil ini ialah hidupan laut kuno yang muncul sejak zaman paleozoik sebelum wujudnya haiwan reptilia purba dinosaur," katanya selepas sesi penerangan kepada Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO Perak Mohd Azlan Helmi Helmi yang turut hadir menyaksikan fosil yang ditemukan mereka.

Mohd Fadly berkata, kesemua spesimen yang ditemukan itu masih belum dibawa keluar dari lokasi terbabit dan penemuan itu turut dimaklumkan kepada pihak Jabatan Mineral dan Geo-

sains (JMG) Perak.

"Semua penemuan masih berada di dalam kawasan ini kerana tanah ini milik kerajaan negeri dan kita belum lagi mengambil sebarang sampel sehingga satu notis keluar daripada pihak JMG baru pensampelan dibuat dan setiap laporan akan dihantar ke JMG termasuk turut berkait dengan Geotapak Lembah Kinta," katanya.


Beliau berkata, susulan penemuan itu, pihaknya mencadangkan kepada kerajaan negeri agar mewariskan kawasan 6.9 hektar terbabit sebagai tapak warisan geologi bagi melindungi dan memelihara ka-

wasan di sekitar tapak penemuan berkenaan.

"Kita percaya kemungkinan besar lebih banyak



MOHD Azlan (kiri) meneliti fosil yang melekat pada batu-batuan ketika menyertai lawatan ke sebuah kawasan berdekatan Kampung Changkat Tualang.



MOHD Fadly menunjukkan fosil yang melekat pada batu-batuan berdekatan Kampung Changkat Tualang.

fosil sedemikian ada di kawasan ini kerana ia luas dan kita akan teruskan pencarian bagi menemukan spesimen atau fosil jenis lain.

"Penemuan hasil penyelidikan itu perlu dipelihara kerana ia turut memabitkan unsur penting dalam menentukan sejarah perkembangan geologi serta proses pembentukan bumi di sini," katanya.

Mohd Fadly berkata, fosil karang di atas batu kapur puncak dalam air itu membuktikan kawasan itu dahulunya merupakan lautan, namun mengalami proses pembentukan muka bumi sehingga menjadi daratan.